

## **Bimbingan Oleh Guru Pembimbing Kepada Guru Pelatih Utm**

Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & Lim Wee Mei  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini melihat kepada hubungan antara peningkatan prestasi guru pelatih UTM dengan penyeliaan guru pembimbing semasa menjalankan latihan mengajar di sekolah menengah kebangsaan di negeri Johor. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat sama ada peningkatan dalam kemahiran mengajar, nilai sahsiah dan profesionalisme guru serta kemahiran reflektif dan penilaian kendiri yang berlaku pada guru pelatih berkaitan dengan bimbingan guru pembimbing mereka. Kajian ini dilakukan ke atas 6 orang guru pelatih UTM yang dipilih tanpa mengambil kira penghususan dan mata pelajaran yang diajar oleh mereka. Keseluruhan penyelidikan berbentuk deskriptif. Dapatkan kajian diperolehi melalui kaedah temubual dan pemerhatian pengajaran, seterusnya akan dianalisis secara kualitatif. Dapatkan kajian menunjukkan :1) Bimbingan guru pembimbing membantu dalam meningkatkan strategi dan kemahiran mengajar di kalangan guru pelatih semasa latihan mengajar; 2) Kebanyakan peningkatan dari segi nilai sahsiah dan sikap bertanggungjawab di kalangan guru pelatih semasa latihan mengajar adalah tidak berkaitan dengan bimbingan guru pembimbing; 3) Guru pembimbing jarang atau tidak pernah memberi sebarang bimbingan berkenaan dengan kemahiran membuat refleksi dan penilaian kendiri dalam semua aspek tugas guru kepada guru pelatih semasa latihan mengajar. Beberapa cadangan dikemukakan untuk menjadi panduan kajian selanjutnya.

**Abstract:** This research is conducted to look at the relationship between achievement of training teacher and supervisor teacher during teaching practical at secondary school in Johor. The research is done to see whether there is increase in teaching skills, ethical values, the teacher's professionalism, reflective skills and self assessment in training teachers. Six training teachers were chosen randomly regardless of their major area of study. The research is in descriptive form. The research is carried out by interviewing and observing. Then it is analyzed qualitatively. The results shows :1) Supervisor teacher helps in improving the strategy and teaching skills amongst training teachers during practical training; 2) The ethical values and responsibilities amongst practical teachers have nothing to do with supervisor teachers, 3) Supervisor teachers seldom or do not give guidance in writing reflection and individual assessment in all aspects during teaching practical. The researcher recommends a few suggestions for due consideration and guidance for next research.

*Katakunci:* latihan mengajar, peningkatan prestasi guru pelatih, penyeliaan guru pembimbing, universiti teknologi Malaysia

### **Pengenalan**

Tujuan utama penyeliaan latihan mengajar diamalkan adalah untuk memberi bimbingan kepada guru pelatih yang mengambil bahagian, di samping menilai perancangan dan pengajaran, sahsiah guru pelatih turut dibina. Kemahiran pengajaran dan profesionalisme guru pelatih dipercayai akan dipertingkat melalui proses penyeliaan tersebut. Selain daripada itu, sikap dan tingkah laku guru pelatih juga dipercayai akan mengalami perubahan yang positif, mereka akan lebih menyedarkan tentang tanggungjawab guru serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi apabila menjalankan tugas sebagai seorang guru pada masa depan.

Guru pembimbing yang ditugaskan membimbing guru pelatih merupakan salah seorang penyelia yang akan bersama-sama dengan guru pelatih sepanjang tempoh latihan mengajar, mereka terdiri daripada golongan guru yang berpengalaman dan mempunyai berkemahiran tinggi dalam semua tugas guru.

Disebabkan masa interaksi antara guru pelatih dengan guru pembimbing jauh lebih lama daripada masa interaksi antara guru pelatih dengan pensyarah pembimbing, maka pengaruh bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih adalah lebih nyata berbanding dengan bimbingan pensyarah pembimbing. Kajian penyelidikan ini akan cuba mengkaji secara khusus tentang penyeliaan yang dilakukan oleh guru pembimbing.

### **Pernyataan Masalah**

Segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sewaktu latihan mengajar biasanya memberi kesan yang mendalam dan menjadi ingatan sepanjang hayat bagi kebanyakan guru (Abu Hassan & Meor Ibrahim, 1997). Disebabkan kebanyakan pengalaman dan pengetahuan guru pelatih yang diperolehi semasa latihan mengajar adalah diiringi dengan pendapat dan nasihat guru pembimbing, maka pengaruh bimbingan guru pembimbing adalah besar dan membawa kesan yang nyata terhadap sifat keguruan seseorang guru pelatih pada masa depan.

Dalam Program Latihan Mengajar, ada guru pelatih yang dibimbing oleh guru pembimbing yang bertanggungjawab sepenuhnya, tetapi ada juga guru pelatih yang dibimbing oleh guru pembimbing yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, kadang-kala kita akan dapat dengar runutan guru pelatih tentang kualiti bimbingan guru pembimbing mereka yang dilantik oleh pihak sekolah. Sama ada guru pembimbing yang terlalu sibuk dalam pengurusan dan pengajaran sekolah sehingga tiada masa untuk melakukan bimbingan, ataupun sikap sesetengah guru pembimbing yang sememangnya tidak mengambil berat tentang pasal membimbing guru pelatih. Semua kejadian ini akan mempengaruhi mutu bimbingan guru pembimbing yang diberikan kepada guru pelatih.

Kekurangan yang berlaku dalam bimbingan guru pembimbing tersebut mungkin berlaku di sesetengah aspek yang tertentu seperti sikap dan sahsiah guru pelatih sahaja atau secara keseluruhan tentang sifat keguruan seseorang guru pelatih. Walau bagaimanapun, kekurangan demikian tentu akan membawa kesan negative kepada pembentukan keguruan seseorang guru pelatih. Selain daripada itu, kita juga sering mendengar guru pelatih mengadu bahawa penulisan reflektif adalah suatu beban kerana mereka dipaksa menulisnya, lagipun sesetengah guru pembimbing tidak memberi perhatian terhadap penulisan reflektif kerana membincangkan aspek-aspek kemahiran pengajaran yang lebih penting. Tambahan pula, sesetengah guru pelatih mempunyai anggapan bahawa menulis reflektif dan membuat penilaian kendiri adalah sukar kerana pandangan yang objektif dikehendaki dan jarang mendapat bimbingan dalam aspek ini.

Persoalan yang timbul di sini ialah sejauh manakah bimbingan yang diberi oleh guru pembimbing membantu guru pelatih dalam aspek strategi dan kemahiran pengajaran, aspek nilai sahsiah dan tanggungjawab guru serta aspek membuat refleksi dan penilaian kendiri. Memandangkan semua aspek tersebut merupakan komponen-komponen penting dalam program praktikum, di mana profesionalisme guru pelatih akan dinilai menerusi aspek-aspek tersebut, persoalan seperti ini perlu dipertimbangkan.

### **Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif utama seperti berikut:

1. Mengkaji sama ada bimbingan guru pembimbing membantu guru pelatih UTM dari segi peningkatan strategi dan kemahiran pengajaran semasa menjalani latihan mengajar.
2. Mengenal pasti sama ada bimbingan guru pembimbing membantu guru pelatih UTM dari segi peningkatan nilai sahsiah dan tanggungjawab sebagai guru semasa menjalani latihan mengajar.

3. Mengkaji sama ada bimbingan guru pembimbing membantu guru pelatih UTM dari segi kemahiran membuat refleksi dan penilaian kendiri untuk semua aspek tugas guru semasa menjalani latihan mengajar.

### **Kepentingan Kajian / Rasional**

Kajian ini didapati adalah penting dan perlu dijalankan. Penilaian tentang keberkesanan bimbingan guru pembimbing dalam meningkatkan kualiti guru pelatih harus dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan objektif-objektif latihan mengajar tercapai. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak fakulti dalam meningkatkan mutu penyelia-penyelia, sama ada pensyarah pembimbing atau guru pembimbing. Dengan mengetahui keperluan guru pelatih semasa latihan mengajar, pihak fakulti boleh mengadakan taklimat untuk para penyelia, maklumat-maklumat yang berguna tentang persepsi guru pelatih boleh disebarluaskan, cadangan-cadangan juga boleh diberikan kepada para penyelia supaya Program Latihan Mengajar dapat dilangsungkan dengan berjaya.

Pihak sekolah juga boleh menggunakan hasil kajian ini dalam pemilihan penyelia iaitu guru pembimbing yang sesuai untuk menjalankan tugas penyeliaan. Seseorang guru pembimbing yang berkelayakan bukan sekadar mempunyai kelulusan yang tinggi sahaja, mereka dikehendaki memberi bimbingan kepada guru pelatih dengan penuh kesabaran, di samping itu turut mempunyai jiwa yang ikhlas semasa menjalani tugas mereka. Selain daripada itu, keputusan kajian ini juga menunjukkan kelemahan bimbingan guru pembimbing yang diberikan kepada guru pelatih, ia boleh digunakan sebagai bahan bantu bagi guru pembimbing semasa menjalani tanggungjawab mereka, misalnya guru pembimbing boleh cuba mengatasi kelemahan yang ditemui dalam proses bimbingan dengan mengubahsuai cara menasihat dan membimbang guru pelatih.

### **Skop Kajian**

Kajian hanya diadakan ke atas para guru pelatih UTM yang menjalankan latihan mengajar di sekolah menengah kebangsaan yang terletak dalam negeri Johor. Sampel kajian yang diambil adalah seramai enam orang guru pelatih UTM yang dipilih secara rawak daripada kalangan guru pelatih UTM yang sedang praktikal di sekolah menengah. Kajian akan tertumpu kepada bimbingan guru pembimbing sahaja, tidak meliputi bimbingan pensyarah pembimbing UTM. Kelemahan yang terdapat dalam kajian ini ialah ia cuma akan dijalankan berdasar pandangan para guru pelatih terhadap bimbingan guru pembimbing mereka sahaja.

### **Metodologi**

#### **Populasi dan Pensampelan Kajian**

Populasi kajian ialah para guru pelatih UTM yang sedang menjalani Program Latihan Mengajar di sekolah menengah kebangsaan yang terletak di dalam negeri Johor. Sampel kajian pula diambil daripada kalangan guru pelatih UTM yang menjalankan latihan mengajar di sekolah menengah kebangsaan yang terletak berdekatan dengan kawasan Johor Bahru sahaja. Oleh kerana penyelidikan ini adalah berdasarkan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian, maka seramai enam orang guru pelatih UTM tanpa mengambil kira penghususan mereka akan dipilih secara rawak sebagai responden kajian untuk temubual dan pemerhatian secara individu.

### **Instrumen Kajian**

Untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian, pendekatan kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah kualitatif menerangkan peristiwa secara holistik dalam keadaan sebenar peristiwa berlaku tanpa sebarang manipulasi oleh penyelidik. Jenis

kaedah ini kadang-kala juga dipanggil kaedah naturalistik, non-tradisional, artistik, holistik, deskriptif, dan etnografik yang memberi penekanan kepada perbezaan antara manusia secara individu.

Pendekatan kualitatif lebih banyak mementingkan segi “proses” daripada “hasil”. Hal ini disebabkan oleh hubungan bahagian-bahagian yang sedang diteliti akan jauh lebih jelas apabila diamati dalam proses (Dr. Lexy, 1989). Bogdan dan Biklen (1982) memberikan contoh seorang pengkaji yang menelaah sikap guru terhadap jenis siwa tertentu. Pengkaji mengamatinya dalam hubungan sehari-hari, kemudian menjelaskan tentang sikap yang diteliti. Dengan kata lain, peranan proses dalam penyelidikan kualitatif terbesar sekali.

Dalam kajian ini, kaedah temubual akan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lengkap tentang latar belakang dan pendapat responden berkenaan kemahiran mengajar, nilai sahsiah guru dan peranan refleksi dalam latihan mengajar. Selain daripada itu, setiap responden turut ditemui bual pada kali kedua untuk mengetahui hubungan antara peningkatan yang dialami oleh mereka dalam latihan mengajar ini dengan bimbingan guru pembimbing mereka. Kaedah pemerhatian pula diadakan supaya memperolehi bukti dan menyokong kata-kata responden kajian semasa temubual.

### **Kaedah Temubual**

Temubual atau wawancara merupakan salah satu kaedah yang akan dilaksanakan dalam kajian ini. Kaedah ini mampu mendapatkan maklumat yang lebih tepat, lengkap dan mendalam daripada para guru pelatih yang terpilih untuk keperluan penyelidikan ini, selain daripada itu, ia juga sesuai digunakan sebagai semakan maklumat. Sebagai persediaan untuk menjalankan temubual, pengkaji akan memahami segala maklumat yang diperlukan dengan jelas, menyenaraikan setiap soalan atau komen yang diperlukan untuk setiap tindak balas, serta menyediakan senarai semak untuk memastikan semua bidang telah ditanya. Bentuk soalan yang ditanya adalah bersifat terbuka supaya dapat memberi ruang untuk pengkaji menyelidik secara mendalam.

Dalam proses temubual, kemahiran “pertanyaan pendalaman secara langsung” akan digunakan. Menurut Guba dan Lincoln (1981), pertanyaan pendalaman secara langsung bermaksud menggali lebih mendalam untuk keperluan berikut:

- *Klarifikasi*, supaya pengkaji dapat memperolehi infomasi tentang hal yang dipersoalkan sebelumnya.
- *Kesedaran kritis*, supaya responden lebih kritis lagi, menanggapi sesuatu, menilai atau memberikan contoh tentang sesuatu. Kata tanya seperti “mengapa”, “dalam hal apa” akan dipakai.
- *Refokus*, supaya responden dapat mengaitkan, membandingkan atau mempertentangkan jawapannya dengan tajuk atau persoalan-persoalan kajian ini. Responden juga akan memikirkan alternatif pemecahan atau hubungan sebab-akibat.
- *Informasi*, supaya pengkaji dapat mengetahui tentang perasaan responden; pertanyaan yang diajukan berkisar pada bentuk “pertanyaan peribadi”.

Salah satu tujuan temubual ini dijalankan ialah untuk mendapat maklumat latar belakang responden yang berkaitan dengan akspek guru, seperti pengalaman mengajar, pengkhususan responden dan lain-lain. Selain itu, pengkaji juga boleh mendapat maklumat tentang pendapat dan sikap responden terhadap aspek guru yang selaras dengan persoalan-persoalan kajian ini, iaitu aspek kemahiran mengajar, nilai sahsiah guru dan kemahiran reflektif, peningkatan responden akan dikaji melalui perbandingan antara laporan pra-temubual dan laporan pasca-temubual, seterusnya hubungan antara peningkatan responden dengan bimbingan guru pembimbing mereka ditentukan. Kebebasan diberikan kepada responden untuk mengemukakan pendapat mereka, segala kemungkinan jawapan dari responden adalah diterima.

## Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian atau pengamatan juga dilaksanakan dalam penyelidikan ini sebagai sokongan kepada hasil temubual. Maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini adalah lebih terperinci, jelas dan lebih tepat, ianya juga boleh dijadikan bahan rujukan. Pada dasarnya, pekerjaan pemerhatian mesti dilakukan dengan sikap dan tingkah laku yang baik, dan dengan tindakan yang memadai barulah data yang diharapkan dapat terjaring sepenuhnya (Schatzman dan Strauss, 1973).

Proses pemerhatian akan dijalankan secara individu semasa guru pelatih yang terpilih mengajar di dalam kelas, masa pemerhatian dibuat secara rawak berdasarkan jadual waktu responden. Tujuan pemerhatian ini dijalankan adalah untuk mendapat sokongan dan bukti kepada perkataan yang disebut oleh responden kajian dalam temubual, pemerhatian cuma fokus kepada kejadian atau tingkah laku yang seharus diperhatikan sahaja, iaitu kemahiran mengajar responen yang dikaji dari segi perancangan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran, nilai sahsiah responden yang dikaji dari sikap dan tingkah laku responden terhadap pelajar, serta aspek reflektif yang terakhir sekali dikaji daripada kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan pengajaran responden.

## Keputusan

### Dapatan Persoalan Kajian Pertama: Adakah Peningkatan Berlaku Di Kalangan Guru Pelatih Dari Segi Strategi Dan Kemahiran Pengajaran Di Bawah Bimbingan Guru Pembimbing Semasa Menjalani Latihan Mengajar ?

**Jadual 1:** Peningkatan kemahiran mengajar yang berlaku pada responden kajian

	Perkara	Responden kajian					
		1	2	3	4	5	6
1	Kemahiran menulis perancangan pengajaran harian	✓	✓	✓		✓	✓
2	Kemahiran merancang pengajaran dan aktiviti pengajaran		✓	✓	✓	✓	✓
3	Penggunaan alat bantu mengajar	✓	✓				✓
4	Kemahiran membina skalan		✓				✓
5	Pengawalan kelas	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6	Pengawalan masa	✓	✓				✓
7	Kreatif dalam mempelbagaikan cara pengajaran	✓	✓				✓
8	Kemahiran memberi penjelasan		✓	✓	✓		✓
9	Cara penyampaian yang lebih berpusatkan pelajar	✓			✓		✓
10	Keupayaan membimbing pelajar dalam penyelesaian masalah	✓	✓				
11	Kemahiran menambah pemahaman pelajar	✓	✓	✓	✓		✓

**Jadual 2:** Peningkatan kemahiran mengajar yang berlaku pada responden kajian disebabkan oleh bimbingan guru pembimbing mereka

	Perkara	Responden-responden					
		1	2	3	4	5	6
1	Kemahiran menulis perancangan pengajaran harian						✓
2	Kemahiran merancang pengajaran dan aktiviti pengajaran		✓		✓	✓	✓
3	Penggunaan alat bantu mengajar		✓				
4	Kemahiran membina skalan						✓
5	Pengawalan kelas	✓	✓	✓		✓	
6	Pengawalan masa	✓					✓
7	Kreatif dalam mempelbagaikan cara pengajaran	✓	✓				
8	Kemahiran memberi penjelasan		✓		✓		
9	Cara penyampaian yang lebih berpusatkan pelajar				✓		✓
10	Keupayaan membimbing pelajar dalam penyelesaian masalah	✓	✓				
11	Kemahiran menambah pemahaman pelajar		✓		✓		

**Jadual 3:** Bimbingan guru pembimbing dalam membantu responden kajian dari segi peningkatan dalam kemahiran pengajaran

Responden kajian	Peningkatan dalam kemahiran Pengajaran	Adakah Bimbingan Guru Pembimbing Bermakna
Responden 1	Ya	Ya
Responden 2	Ya	Ya
Responden 3	Ya	Ya
Responden 4	Ya	Ya
Responden 5	Ya	Ya
Responden 6	Ya	Ya

Maklumat yang diperolehi daripada pra-temubual, aktiviti pemerhatian pengajaran dalam kelas dan pasca-temubual mengenai kemahiran pengajaran di bawah bimbingan guru pembimbing telah ditunjukkan dalam jadual di atas. Menurut fakta dalam jadual 1, didapati semua responden turut mengalami peningkatan dari segi perancangan pengajaran semasa latihan mengajar masing-masing, misalnya responden 1 telah mempertingkatkan kemahiran menulis perancangan pengajaran harian dan kesimpulan. Perubahan yang berlaku dalam penulisan perancangan pengajaran responden 1 ialah dulu dia akan menulis aktiviti pengajaran di bawah isi pengajaran, tetapi sekarang dia membahagikan aktiviti pengajaran dan isi pelajaran kepada dua bahagian yang berlainan. Selain daripada yang tersebut, mengenai penulisan kesimpulan pengajaran pula, dulu responden 1 hanya tulis satu kesimpulan secara keseluruhan sahaja, sekarang dia akan menulis dua kesimpulan, iaitu kesimpulan kognitif dan kesimpulan sosial.

Berdasarkan perkataan responden 2 dalam pasca-temubual, dia semakin berupaya dan teliti dalam merancangkan pengajaran yang lebih sempurna, membina set induksi yang lebih menarik, serta tahu bagaimana membina soalan yang sesuai untuk isi pelajaran dan keadaan pelajar, diketahui responden 6 juga menunjukkan kemajuan dalam aspek kemahiran membina soalan ini. Contohnya, responden 2 memohon prinsip dari mudah ke susah semasa dia membina soalan untuk para pelajar, responden 6 pula membina soalan yang bersesuaian dengan tahap pelajar dengan merujuk kepada bukubuku rujukan. Lagi satu persamaan antara responden 2 dan responden 6 ialah peningkatan dalam perkara membina soalan tersebut adalah dibimbing oleh guru pembimbing mereka masing-masing.

Peningkatan yang ditunjukkan oleh responden 3 dan responden 4 adalah agak serupa, iaitu dari segi perancangan pengajaran yang lebih teliti dan sempurna, mereka akan mempertimbangkan perkara-perkara yang mungkin dihadapi oleh mereka semasa mereka melaksanakan perancangan pengajaran. Bagi responden 5, peningkatan terutama yang berlaku padanya ialah mengurangkan objektif-objektif pengajaran dalam satu sesi pengajaran, menerusi aktiviti pemerhatian, didapati responden 5 telah Berjaya mengubahsuai perancangan pengajarannya mengenai perkara ini.

Responden 1 dan responden 3 sama-sama berpendapat bahawa bimbingan dari pensyarah pembimbing mereka adalah jauh lebih bermakna dan membantu berbanding dengan bimbingan dari guru pembimbing mereka mengenai peningkatan yang disenaraikan tadi. Bagi kes responden 4 dan responden 5 pula, mereka turut mendapat nasihat dan bimbingan dari guru pembimbing mereka, cuma komen guru pembimbing mereka mengenai aspek perancangan pengajaran ini tidak banyak.

Daripada jadual 1 di atas, semua responden telah mengalami peningkatan dalam pelaksanaan pengajaran semasa menjalankan latihan mengajar. Apabila menghubungkan kemajuan tersebut dengan bimbingan guru pembimbing, keenam-enam responden sekalian amat bersetuju terdapat sumbangan daripada bimbingan guru pembimbing mereka. Diketahui guru pembimbing responden 1 pernah mencadangkan kepada dia supaya menambah contoh penyelesaian masalah dalam pengajarannya, nasihat ini juga diberi oleh guru pembimbing kepada responden 2 dan responden 5 masing-masing. Di samping menasihat responden 1, responden 2 dan responden 5 menambah contoh penyelesaian, guru pembimbing mereka juga memesan mereka menunjukkan contoh penyelesaian sebelum menyuruh para pelajar mereka cuba menyelesaikan masalah yang serupa. Responden 1 telah mengaplikasikan pesanan guru pembimbing tersebut dan menemui peningkatan dalam keberkesaan pengajaran.

Selain daripada itu, responden 1 juga disaran oleh guru pembimbingnya supaya mempelbagaikan cara pengajaran, contohnya semasa pemerhatian pengajaran dijalankan, responden 1 telah mengamalkan perbincangan berkumpulan dalam kelas yang berasaskan teori konstruktivism. Dalam aspek cara pengajaran ini, responden 5 dan responden 6 juga kerap kali digalakkan oleh guru pembimbing mereka supaya melaksanakan proses pengajaran dua hala yang berpusatkan pelajar.

Peningkatan yang nyata tentang cara penyampaian dan kemahiran penjelasan didapati di kalangan responden 2, responden 4, responden 5 dan responden 6. Menurut perkataan dari responden 2, responden 4 dan responden 5, kemajuan yang berkaitan dengan kemahiran penjelasan ini adalah disebabkan oleh bimbingan guru pembimbing mereka. Dalam kes responden 4, guru pembimbing memajukan dia untuk membuat penjelasan yang menghubungkaitkan isi pengajaran dengan kehidupan harian pelajar, kecuali perbaikan responden 6 dalam kemahiran penjelasan isi pengajaran adalah tidak berkaitan dengan bimbingan guru pembimbingnya.

Guru pembimbing responden 2, responden 3, responden 4 dan responden 5 masing-masing pernah membimbng mereka dalam masalah disiplin pelajar dan pengawalan kelas. Guru pembimbing responden 3 paling menekan kepada perkara pengawalan kelas kerana kelas yang diajar oleh responden 3 merupakan kelas yang mempunyai masalah disiplin yang tidak serius, tindakan yang pernah diambil oleh responden 3 ialah seperti mengasingkan pelajar yang bermasalah disiplin. Bagi kes responden 2 pula, dia sering kali menggunakan “demerit” untuk mengawal tingkah laku para pelajar. Responden 4 turut dipesan oleh guru pembimbingnya supaya jangan focus kepada sesetengah kumpulan pelajar sahaja, oleh demikian responden 4 sentiasa menjaga suasana kelasnya secara keseluruhan. Guru pembimbing responden 5 pula menyuruh dia memberikan hukuman kepada mereka yang tidak berdisiplin.

Lain daripada itu, pengawalan masa responden 1 dan responden 6 juga pernah dikomen oleh guru pembimbing mereka. Berdasarkan responden 1, guru pembimbing menasihati dia menganggar masa yang akan digunakan untuk setiap bahagian pengajaran, perkara ini telah banyak membantu responden 1 dari segi pengawalan masa. Responden 6 juga mengalami kemajuan dalam pengawalan masa, misalnya responden 6 akan memecahkan isi pengajarannya kepada 2 bahagian dan dilaksanakan dalam dua sesi pengajaran jika isi pengajaran tersebut adalah terlalu panjang, responden 2 turut mengawal masa dalam membuat set induksi untuk mengelakan masalah terlebih masa pengajaran.

## **Perbincangan**

### **i. Bimbingan Guru Pembimbing Dalam Membantu Guru Pelatih Dari Segi Strategi Dan Kemahiran Pengajaran**

Kebanyakan guru pembimbing menyumbangkan bantuan yang bermakna kepada guru pelatih UTM dalam kemahiran merancang pengajaran termasuklah aktiviti pengajaran dan aspek pengawalan kelas. Ini menunjukkan sebilangan besar guru pelatih adalah memerlukan bimbingan guru pembimbing mereka untuk merancang sesuatu pengajaran yang berkesan. Kenyataan ini juga membuktikan ulasan Abu Hassan & Meor Ibrahim pada 1997, iaitu kebanyakan guru pelatih kurang merancang dan mengolah pengajarannya dengan teliti.

Didapati juga sesetengah guru pembimbing pernah membimbng guru pelatih yang berada di bawah tanggungjawab mereka dari segi pengawalan masa, kreatif dalam mempelbagaikan cara pengajaran, kemahiran memberi penjelasan, cara penyampaian yang lebih berpusatkan pelajar, kemahiran membimbng pelajar dalam penyelesaian masalah dan kemahiran meningkatkan pemahaman pelajar. Walaupun begitu, hanya segelintir sahaja guru pembimbing yang memberi bimbingan berkenaan dengan kemahiran menulis perancangan pengajaran harian, penggunaan alat bantu mengajar dan kemahiran membina soalan.

Guru pelatih telah memberi respons positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing mereka ke arah menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan dengan kesemua responden kajian setuju akan kenyataan tersebut.

## **ii. Bimbingan Guru Pembimbing Dalam Membantu Guru Pelatih Dari Segi Nilai Sahsiah Dan Tanggungjawab Guru.**

Dalam aspek nilai sahsiah dan tanggungjawab sebagai guru, hanya dua orang guru pelatih UTM daripada enam orang responden kajian bersetuju bahawa guru pembimbing mereka pernah membimbing mereka dalam perkara ini. Sesetengah guru pembimbing adalah lebih suka mengamalkan bimbingan mereka mengenai aspek yang dinyatakan tadi melalui tingkah laku mereka berbanding dengan mengadakan bimbingan secara nasihat sahaja.

Cara bimbingan secara tindakan tersebut mempunyai kesan yang nyata kerana menurut dapatan kajian Kaltounis oleh Nelson (1968) dan Zulkifli (1994), keputusan kajian telah menunjukkan bahawa guru pelatih diajar atau dipengaruhi supaya mengikut tindak-tanduk dan budaya mengajar guru pembimbing di sekolah tersebut tidak kira sama ada ia buruk atau baik. Selain daripada itu, Abdul Aziz (1988) juga pernah menyarankan jika pihak penyelia ingin guru pelatih bersikap profesional, mengkritik dan menilai diri sendiri, maka guru pembimbing perlu menunjukkan sikap yang sama.

Walau bagaimanapun, juga masih terdapat sebilangan kecil guru pembimbing yang masih menggunakan cara tradisional dalam membimbing guru pelatih tentang aspek nilai sahsiah dan tanggungjawab dalam tugas guru ini, iaitu menerusi nasihat dan kritik. Meskipun cara membimbing dijalankan pada alternatif yang lain, namun peningkatan yang positif tetap berlaku ke atas kelakuan guru pelatih, misalnya responden 5 dalam kajian ini menjadi berjaga-jaga agar kesalahan yang sama tidak akan diulangi.

## **iii. Bimbingan Guru Pembimbing Dalam Membantu Guru Pelatih Dari Segi Kemahiran Membuat Refleksi Dan Penilaian Kendiri.**

Menurut laporan temubual, boleh disimpulkan bahawa sebilangan besar guru pelatih memahami kepentingan dan faedah penulisan reflektif dalam program praktikum yang dijalankan. Kenyataan ini turut terbukti melalui pandangan kebanyakan guru pelatih yang beranggapan bahawa penulisan reflektif membolehkan mereka mengesan kekuatan dan kelemahan diri. Semua responden kajian berpendapat mereka mengalami peningkatan berkenaan aspek kemahiran membuat refleksi ini, namun begitu sebilangan besar responden kajian telah menunjukkan respon negatif terhadap bimbingan guru pembimbing mereka, kejadian ini adalah kerana mereka tidak bersetuju dengan guru pembimbing mereka pernah membimbing mereka dalam aspek tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Collier (1999) menunjukkan bahawa usaha untuk membina guru-guru yang melaksanakan amalan refleksi, bukanlah sesuatu yang mudah. Selaras dengan keputusan kajian tadi, guru pembimbing mungkin menemui kesukaran dalam membimbing guru pelatih tentang aspek ini.

### **Rumusan**

Beberapa kesimpulan boleh dibuat bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dianalisa sebelum ini. Antara kesimpulan yang dibuat berkenaan tiga persoalan kajian yang ditetapkan termasuklah:

- i. Bimbingan guru pembimbing adalah bermakna dan membantu dalam meningkatkan strategi dan kemahiran mengajar di kalangan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar.
- ii. Kebanyakan peningkatan dari segi nilai sahsiah dan sikap bertanggungjawab di kalangan guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar adalah tidak berkaitan dengan bimbingan guru pembimbing.

iii. Guru pembimbing jarang atau tidak pernah memberi sebarang bimbingan berkenaan dengan kemahiran membuat refleksi dan penilaian kendiri dalam semua aspek tugas guru kepada guru pelatih semasa mereka menjalankan latihan mengajar.

Walau bagaimanapun, pernyataan yang dikemukakan tadi mungkin tidak mencerminkan keadaan sebenar, memandangkan batasan kajian ini yang hanya terhad kepada enam orang responden kajian yang melaksanakan Program Latihan Mengajar di sekolah menengah yang terletak di negeri Johor sahaja. Tambahan pula, keenam-enam responden bagi kajian ini terhad kepada guru pelatih dari sebuah institusi perguruan sahaja iaitu UTM.

## Rujukan

- Abdul Aziz Sultan (1988). "Latihan Mengajar: Penilaian Atau Penyeliaan? " Jurnal Pendidikan Guru. Bil 4.
- Abdul Raof Dalip dan Subahan Mohd. Meerah (1991). "Isu-Isu Latihan Mengajar" Petaling Jaya, Fajar Bakti.
- Abu Hassan Kasim dan Meor Ibrahim Kamaruddin. (1997). Latihan mengajar: Apakah Persediaan Guru Pelatih. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Acheson, K. A., and Gall, M. D. (1987). "Techniques in the Supervision of Teacher." New York : Longman.
- Ahamat B. Bachik dan Hazil B. Abdul Hamid (1999). "Bengkel Latihan Mengajar Untuk Penyelia-Penyelia KIYPJ, Bimbingan Dan Penilaian Latihan Mengajar: Pendekatan Klinikal." Kertas kerja.
- Aini Mamat (1991). "Mengenal Pasti Masalah Guru-Guru Pelatih Kemahiran Hidup Semasa Mengikuti Latihan Asas Perguruan Di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Bebeau, M.J.; Rest, J.R. & Narvaez, D. (1999) "Beyond The Promise: A Perspective On Research In Moral Education." Educational Researchers, 28(4), 18-26.
- Benninga, Jacques S. (2003). "Moral and Ethical Issues in Teacher Education." ERIC Digest: ERIC Clearing house on Teaching and Teacher Education.
- Benninga, J.S.; Berkowitz, M.W.; Kuehn, P.; & Smith, K. (2003). "The Relationships Of Character Education And Academic Achievement In Elementary Schools." Journal of Research in Character Education, 1(1), 17-30.
- Bogdan, Robert C. and Sari Knopp Biklen (1982). "Qualitative Research For Education: An Introduction To Theory and Methods" Boston: Allyn And Bacon, Inc.
- Calderhead, J. (1989). "Reflective Teaching And Teacher Education." Teaching and Teacher Education, 5, 43-51.
- Cogan, M. L. (1973). "Clinical Supervision." Boston Houghton Mifflin Company.

Collier, S.T. (1999). "Characteristics Of Reflective Thought During The Student Teaching Experience." *Journal of Teacher Education*, 50(3), 173-181.

Cruickshank, D.R. (1987). "Reflective Teaching : The Preparation Of Students Teaching." Reston, VA, Association of Teacher Educators.

Cruickshank, P.J., Baines, D., Metcalf, K. (1995). "The Act of Teaching" McGraw-Jill.

Dr. Lexy J. MoLeong, M.A. (1989). "Metodologi Penelitian Kualitatif" Remadja Karya CV Bandung.

Egon G. Guba and Lincoln, Yvonna S. (1985). "Naturalistic Inquiry" Beverly Hills: Sage Publications.

Elliot, J. (1985). "Conceptualizing Relationship between Researcher/Evaluation Procedures and In-Service Teacher Education" British Journal of In-Service Education, 4 (1 & 2), 102-183.

Garis Panduan Pelaksanaan Praktikum Untuk Pengurus & Guru Pembimbing. (2005). Institut Perguruan Tun Hussein Onn Batu Pahat